

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1976**

### **UPAH UKUR YANG TELAH DINAIKKAN DI BAWAH NATIONAL LAND CODE (SURVEY FEES) (AMENDMENT) ORDER, 1975**

---

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa pindaan kepada upah-upah ukur di bawah The National Land Code (Survey Fees) (Amendment) Order, 1975 telah pun diwartakan di bawah P.U (A) 438 bertarikh 31hb Disember, 1975 dan oleh itu dikuatkuasakan upah-upah ukur baru itu akan berjalan mulai daripada tarikh 31hb Disember, 1975; dengan itu bermaknalah upah ukur baru itu (prescribed rates) hendaklah dikenakan kepada semua permohonan-permohonan tanah yang diluluskan pada 31hb Disember 1975 dan selepas tarikh itu.

2. Adapun kuasa untuk mengenakan upah-upah ukur baru itu adalah mengikut seksyen 81 (l) (c) Kanun Tanah Negara yang berbunyi demikian:

‘81. (l) The following sums shall become due to the State Authority at the same when it approves the alienation of any land under this Act-

(c) The amount, or estimated amount, of any survey fees chargeable in respect of the land’.

3. Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini dirujuk kepada seksyen 81 (l) (c) Kanun Tanah Negara dan mengambil tindakan bagaimana diterangkan dalam perenggan 1 di atas.

Sekian dimaklumkan.

**t.t**  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.**

**KOTA BHARU:** 1HB FEBRUARI 1976

**FAIL:** PTG (KN) 113/48/(1)Dup.

**KEPADA:**

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan.

YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri.

Semua Pegawai-pegawai Jajahan.

Juru Audit Negeri.